



**JABATAN BENDAHARI  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2016**

**PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG KEMASKINI MAKLUMAT  
PEMBEKAL BAGI TUJUAN PEMBAYARAN MELALUI *ELECTRONIC FUND  
TRANSFER (EFT)* OLEH PEMBEKAL / SYARIKAT / KONTRAKTOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini merupakan penegasan kepada hebahan melalui POSTMASTER kepada semua staf pada 31 Disember 2015 yang lalu berkaitan penguatkuasaan penggunaan Borang Kemaskini Maklumat Pembekal bagi Tujuan Pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* kepada semua syarikat/ kontraktor/ pembekal yang berurusan dengan UniMAP selaras dengan proses pelaksanaan bayaran melalui EFT terus ke akaun bank syarikat/ pembekal/kontraktor mulai 1 Januari 2016.

**2.0 SKOP PENGGUNAAN BORANG**

- 2.1 Borang ini boleh dikemukakan oleh semua syarikat/kontraktor/pembekal UniMAP ke Jabatan Bendahari UniMAP (U/P: Unit Perolehan & Aset) bagi tujuan pengemaskinian maklumat secepat mungkin.
- 2.2 **Setiap permohonan pengeluaran Pesanan Belian (PO)** perlu dilampirkan borang yang telah lengkap diisi oleh semua syarikat/kontraktor/pembekal yang membekalkan barang dan perkhidmatan dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UniMAP bagi semua Peruntukan termasuk Kumpulan Wang.
- 2.3 Bagi Pesanan Belian (PO) yang dikeluarkan oleh PTj, borang ini perlu dikepilkan **bersama Inbois, Nota Hantaran (DO) dan PO** oleh PTj yang berkaitan semasa mengemukakannya kepada Jabatan Bendahari UniMAP untuk proses pembayaran selepas memastikan semua garis panduan pembayaran sebelumnya dipatuhi.

**3.0 IMPLIKASI KE ATAS KETIDAKPATUHAN**

- 3.1 Mulai tahun 2016, semua pembayaran melalui cek akan dikenakan caj sebanyak RM 3.50 oleh pihak bank bagi setiap cek.
- 3.2 Sehubungan dengan itu, kegagalan pihak syarikat/kontraktor/pembekal untuk mengemukakan borang tersebut boleh mengakibatkan pembayaran TIDAK akan diproses kemudiannya.
- 3.3 **Mulai 1 Februari 2016**, Jabatan Bendahari akan **"INACTIVE"** bagi syarikat/pembekal/kontraktor yang borangnya **BELUM** diterima oleh Jabatan Bendahari UniMAP.

**4.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2016** selaras dengan makluman awal melalui hebahan postmaster pada 31 Disember 2015 yang lalu.

Lampiran 1



**JABATAN BENDAHARI  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**BORANG KEMASKINI MAKLUMAT BANK DAN EMAIL PEMBEKAL  
BAGI TUJUAN EFT**

**PERHATIAN**

1. Borang yang lengkap perlu di faks ke talian 04-979 8200 atau dihantar ke Alamat Jabatan Bendahari UniMAP, D/A Bangunan TNB lama, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar Perlis.
2. Abaikan borang ini sekiranya pernah mengemukakanya sebelum ini.
3. Semua butiran adalah wajib diisi seperti berikut :-

- a) Nama Syarikat : \_\_\_\_\_
- b) No. Pendaftaran : \_\_\_\_\_
- c) Email : \_\_\_\_\_
- d) Maklumat bank (wajib lampirkan salinan penyata bank)
- Nama Bank : \_\_\_\_\_
- No. Akaun : \_\_\_\_\_

| Pemohon :<br>(Wakil Syarikat) |  | Diterima oleh :<br>(Pegawai Jabatan Bendahari) |  |
|-------------------------------|--|--|--|
| Tandatangan                   |  | Tandatangan                                    |  |
| Nama                          |  | Nama   |  |
| Cop Syarikat                  |  | Cop  |  |
| Tarikh                        |  | Tarikh   |  |

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**Kepada Semua Staf UniMAP,**

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2016: PENGUATKUASAAN BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMBEKAL BAGI TUJUAN PEMBAYARAN MELALUI ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kini dalam proses pelaksanaan pembayaran melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) terus ke akaun bank syarikat/pembekal/kontraktor; sepertimana hebahan sebelumnya pada 31 Disember 2015 yang lalu.

3. Bersama-sama ini dilampirkan bersama **Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2016: Penguatkuasaan Penggunaan Borang Kemaskini Maklumat Pembekal bagi tujuan Pembayaran melalui Electronic Fund Transfer (EFT) oleh Pembekal/ Syarikat/ Kontraktor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

4. Sebagai makluman, mulai tahun 2016 semua pembayaran melalui cek akan dikenakan caj sebanyak RM 3.50 oleh pihak bank bagi setiap cek tersebut. Sehubungan dengan itu, beberapa **penegasan** seperti berikut telah digariskan untuk penguatkuasaan Borang seperti **Lampiran** yang disertakan:-

- 4.1 Borang yang telah lengkap diisi perlu dikembalikan ke Jabatan Bendahari **sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Januari 2016.**
- 4.2 **Setiap permohonan pengeluaran Pesanan Belian (PO)** perlu dilampirkan salinan Borang ini.
- 4.3 Bagi Pesanan Belian (PO) yang dikeluarkan oleh PTj, salinan borang ini perlu dikepilkan **bersama Inbois, Nota Hantaran (DO)** dan **PO** oleh PTj yang berkaitan semasa mengemukakannya kepada Jabatan Bendahari UniMAP untuk proses pembayaran selepas memastikan semua garis panduan pembayaran sebelumnya dipatuhi (Rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2008: Garis Panduan Pembayaran Inbois kepada pembekal).
- 4.4 **Mulai 1 Februari 2016,** Jabatan Bendahari akan **"INACTIVE"** bagi syarikat/pembekal/kontraktor yang borangnya **BELUM** diterima oleh Jabatan Bendahari UniMAP.
- 4.5 **Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Pesanan Belian (PO) tidak dapat dikeluarkan dan/atau pembayaran TIDAK dapat dilakukan kemudiannya.**

5. Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut; Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof/Prof.Madya/Tuan/Puan boleh menghubungi En. Rusdi Puteh, Ketua Bahagian Perolehan, Aset, Bajet & GST di talian 04-979 8214 atau terus kepada **Unit Perolehan & Aset** iaitu En Mohd. Saiful Nizam Abdul Karim, Penolong Bendahari di talian **04-979 8727** atau en Mohd Nizam Mohd Noor, Penolong Akauntan di talian **04-977 1204.**

6. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof/Prof.Madya/Dr/Tuan/Puan di dalam perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**  
**"Mencarik Adat, Melarik Hasrat"**

Saya yang menurut perintah,

**(SAODAH BINTI HASSAN)**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Perlis

---

**From:** "POSTMASTER UniMAP" <post@unimap.edu.my>  
**To:** "allstaff" <allstaff@unimap.edu.my>  
**Sent:** Thursday, December 31, 2015 5:04:14 PM  
**Subject:** KEMASKINI MAKLUMAT PEMBEKAL BAGI TUJUAN PEMBAYARAN MELALUI 'ELECTRONIC FUND TRANSFER' (EFT) (OLEH : JABATAN BENDAHARI - SAODAH BINTI HASSAN)

No. Rujukan : UniMAP/ICT/Post: 12/15 (1665)  
Tarikh : 31 Disember 2015

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**Kepada Semua Staf UniMAP,**

**KEMASKINI MAKLUMAT PEMBEKAL BAGI TUJUAN PEMBAYARAN MELALUI 'ELECTRONIC FUND TRANSFER' (EFT)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kini dalam proses pelaksanaan pembayaran melalui kaedah Electronic fund Transfer (EFT) terus ke akaun bank syarikat / pembekal / kontraktor.

3. Sehubungan dengan itu, **mulai 1 Januari 2016 setiap permohonan pengeluaran pesanan belian (PO) perlu dilampirkan Borang Kemaskini Maklumat Bank dan Email Pembekal** yang telah lengkap diisi. Borang tersebut adalah seperti **Lampiran yang disertakan. Kegagalan pihak syarikat / pembekal / kontraktor untuk mengemukakan borang tersebut boleh mengakibatkan pembayaran TIDAK akan dilakukan kemudiannya.**

4. Untuk makluman semua, mulai tahun 2016 semua pembayaran melalui cek akan dikenakan caj sebanyak RM 3.50 oleh pihak bank bagi setiap cek tersebut.

5. Sebarang pertanyaan / maklumat lanjut; Y.Bhg Datuk/ Dato'/ Prof/ Prof.Madya/ Tuan/ Puan boleh menghubungi En. Rusdi Puteh, Ketua Bahagian Perolehan, Aset, Bajet & GST di talian 04-979 8214 atau terus kepada **Unit Perolehan & Aset** iaitu En Mohd. Saiful Nizam Abdul Karim, Penolong Bendahari di talian **04-979 8727** atau en Mohd Nizam Mohd Noor, Penolong Akauntan di talian **04-977 1204**.

6. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof/Prof.Madya/Dr/Tuan/Puan di dalam perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**  
**"Mencarik Adat, Melarik Hasrat"**

Saya yang menurut perintah,

**(SAODAH BINTI HASSAN)**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Perlis

---

**POSTMASTER UniMAP**  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Perlis  
Tel : 04-9798494 / 8109  
Faks : 04-9798227  
Email : [post@unimap.edu.my](mailto:post@unimap.edu.my)

---